

UNTUK SIARAN SEGERA

HappyFresh dan Dreamr menyediakan sarapan berkhasiat untuk pelajar-pelajar sekolah rendah

Kolaborasi ini bertujuan memupuk tabiat pemakanan sihat dari usia muda untuk amalan gaya hidup sihat.

Kuala Lumpur, Julai 29, 2020 - HappyFresh, syarikat penghantaran barangan runcit atas talian pertama di Asia Tenggara, bersama Dreamr, perusahaan sosial yang memberi sokongan dari segi pendidikan, telah memberi sarapan berkhasiat kepada pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Sri Cheras.

Dengan kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia, makanan sarapan yang terdiri daripada produk tajaan daripada Goodday, Tropicana dan Oat Krunch serta buah-buahan dan bar muesli diberi kepada lebih 150 pelajar yang hadir sambil mematuhi peraturan penjarakan sosial yang telah ditetapkan.



[Dari kiri ke kanan - Edward Emilio (Pengurus Jenama HappyFresh), Frieza Porizka (Pengurus Pemasaran HappyFresh), Adrian Lafage (Pengasas Bersama Dreamr), Stan Zabolotsky (Pengasas Bersama Dreamr), En. Muzafar Shah (Pengetua Sekolah)]. Bawah [Kiri - Kanan, Tamyrea Ganes, Hari Kishan Yellanki - Sukarelawan



AppleBoy dan kedua-dua Pengasas Bersama Dreamr bercakap tentang sarapan kepada para pelajar.

Pengarah Urusan HappyFresh Malaysia, Hu Hun Hui berkata, "Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Dreamr atas peluang menjadi sebahagian daripada projek ini. Kesihatan yang baik telah lama menjadi fokus dalam perkhidmatan kami, dengan menyediakan cara mudah untuk mendapat barang runcit segar dari pasar raya kegemaran para pelanggan kami." Beliau berkata, "Banyak sebab utama kematian berpunca daripada tabiat pemakanan tidak sihat, seperti obesiti dan kencing manis dan kami percaya bahawa tabiat mengambil sarapan berkhasiat setiap hari dapat memberi kesan yang positif dalam jangka masa lama di masa hadapan."

Dreamr telah lama bekerjasama dengan syarikat-syarikat baru, syarikat korporat, serta Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mewujudkan sosial impak yang bermakna secara bersasar dalam persekitaran pendidikan. "Kami amat bersyukur atas peluang bekerjasama dengan HappyFresh mengalu-alukan pelajar kembali ke sekolah selepas MCO dengan bungkusan penuh dengan makanan berkhasiat yang diperlukan bagi merangsang minda yang kreatif." kata Pengasas Bersama Dreamr, Adrian Lafage.

Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (MCO), HappyFresh berusaha menghantar barang runcit kepada keluarga di Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bahru dan Pulau Pinang, dari lebih 250 pasar raya dan kedai khas ke pintu rumah di bandar-bandar dan negeri-negeri berikut. Antara kedai-kedai terkenal adalah AEON, Tesco, Giant, Village Grocer dan sebagainya.



Pelajar SK Seri Cheras menerima sarapan pagi di luar sekolah.

HappyFresh telah bermurah hati dalam memberi balik kepada masyarakat sejak pandemik. Pada bulan Mei, HappyFresh telah melancarkan #RunInUnity, sebuah kempen mengumpul dana di Malaysia, Indonesia dan Thailand. Kempen ini memperlihatkan Ketua Pegawai Operasi (CEO) HappyFresh, Guillem Segara, berlari *half marathon* untuk membantu komuniti-komuniti yang terkesan oleh COVID-19. Sejumlah USD 14,424 berjaya dikumpul dan dibahagi sama rata kepada ketiga-tiga negara yang beroperasi dan diberi kepada organisasi-organisasi tertentu. Maklumat lebih lanjut tentang kempen [sini](#).

Untuk gambar hi-res klik [sini](#).

TENTANG HAPPYFRESH:

HappyFresh adalah syarikat penghantaran barangan runcit atas talian yang pertama di Asia Tenggara yang memudahkan pelanggan membeli dari kedai runcit kegemaran mereka melalui aplikasi dan laman web. Mula diasaskan pada Oktober 2014, oleh kumpulan e-dagang dan pakar logistik, HappyFresh bekerjasama dengan rangkaian runcit terkenal untuk memberi pelanggan pilihan barangan yang lengkap dengan pelbagai lingkungan harga. Pembeli peribadi yang dilatih syarikat memilih produk terbaik berserta rangkaian logistik yang maju membolehkan penghantaran barangan runcit pada jam berikutnya.

HappyFresh beribu pejabat di Jakarta dengan operasinya di Malaysia dan Thailand. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.happyfresh.my.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Frieza Porizka Putri | Pengurus Pemasaran

frieza.putri@happyfresh.com | +60 1123 819 504